

KEWANGAN ISLAM DAN *MAQASID AL-SHARIAH*

PROF. MADYA DR. ZULKIFLI HASAN
DEKAN FAKULTI SYARIAH DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

Assalamualaikum wbt. Alhamdulillah rabbi a'lamin nahmaduhu wa nasta'inuhu wa nastaghfiruhu wa min syururi anfusina wamin saia'ti a'malina tahhiyatan toiyiyibah wabarakatan min 'indillah. Amma ba'du.

Terima kasih kepada Pengerusi Majlis, saudara moderator, Irfan Fairus, para pensyarah, tetamu-tetamu kehormat, para pelajar dan seterusnya para hadirin dan hadirat yang dihormati Allah SWT sekalian. Terima kasih kepada pihak penganjur. IDE, FSU, FEM dan semua yang bekerjasama menjayakan program ini. Tahniah dan syabas diucapkan kerana telah menganjurkan program yang begitu baik yang digerakkan sendiri oleh para pelajar. Alhamdulillah dan terima kasih kerana menjemput saya untuk berkongsi sedikit pengetahuan dan pengalaman.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Bagi pembentangan kali ini, saya akan menggunakan istilah 'Value-Oriented Islamic Finance Practices' yang selari dengan *Maqasid al-Shari'ah*. Pembentangan ini adalah sebahagian daripada pembentangan bulan Ogos yang lalu di University of Cambridge bertajuk 'From Legalism Towards Value Oriented Islamic Finance Practices'. Kertas kerja ini telah diterbitkan dalam Journal of Humanomics.

Sebelum saya membentangkan tajuk ini, sebenarnya apabila membincangkan *Maqasid al-Shariah* terlalu banyak buku dan rujukan mengenainya. Ada berjilid-jilid siri buku *Maqasid*. Apa yang lebih penting ialah asasnya itu yang perlu difahami. Adakah *Maqasid Shari'ah* ini hanya sebagai falsafah? ataupun *Maqasid al-Shari'ah* ini sebagai 'illah? ataupun sumber hukum? ataupun *Maqasid al-Shari'ah* ini sebagai 'benchmarking' untuk kita menggerakkan sesuatu? ataupun *Maqasid al-Shari'ah* ini sebagai kayu ukur terhadap apa sahaja perkara yang telah dilaksanakan?

Ini yang kita kena faham bahawa untuk menjadikan *Maqasid al-Shari'ah*, kita ia tidak boleh dijadikan sumber hukum. Sebagai contoh, solat, *maqasidnya* adalah untuk *tatanha 'anifahsyaiwalmunkar* iaitu mencegah perkara mungkar. Adakah jika kita solat tetapi masih berbuat kejahatan kita tidak lagi perlu solat?

Ini yang saya kata. Hukumnya sudah ada. Tapi *Maqasid al-Shari'ah* adalah kayu ukur solat kita. Adakah kita perlu membaiki solat kita. Adakah kita perlu menghayati semula dan muhasabah solat kita. *Maqasid al-Shari'ah* itu juga merupakan polisi. Di peringkat negara *Maqasid* merupakan 'benchmark' atau falsafah untuk menentukan tujuan pensyariaan. Jadi hari ini, saya akan cuba membicarakan peri penting *Maqasid al-Shari'ah* di dalam kewangan Islam.

Sebagai mukadimah, saya akan cuba menyentuh aspek antara realiti dan aspirasi. Saya akan ceritakan realiti kewangan Islam. Kita perlu ikhlas dan 'ask our heart'. Mungkin pengalaman terlibat secara langsung dengan kewangan Islam, saya kena

sentiasa bertanya di dalam hati nurani hati saya. Apakah masa depan kewangan Islam? Adakah kewangan Islam benar-benar memenuhi Maqasid al-Shari'ah ataupun tidak? Saya melihat perkara ini bukan sahaja dari aspek akademik tetapi perlu memberi pandangan secara jujur. Isunya juga merujuk kepada bagaimana untuk mengoperasikan Maqasid al-Shari'ah. Tidak dinafikan bahawa terdapat banyak buku mengenai *Maqasid al-Shari'ah*. Jadi isunya pada hari ini ialah bagaimana kita nak melaksanakan dan mengoperasikan *Maqasid al-Shari'ah* itu? Itu yang sangat penting. Jika kita berberbicara tentang Maqasid al-Shari'ah secara teori tetapi tidak dapat mengoperasikannya, maka ia tidak bermakna. Apa yang lebih penting adalah pelaksanaan terhadap teori yang telah dibangunkan.

Saya ambil petikan daripada Ibnu Qayyim yang merumuskan pembentangan pada hari ini.

"Everything that lapses, and from mercy into its opposite and from maslahah into mafsadah and from wisdom into frivolous, does belong to Shari'ah even if it is inducted it by interpretation"

Pandangan ini merumuskan bahawa apa-apa yang mafsadah membawa sia-sia itu bukan Shari'ah walaupun cuba ditafsirkan sebegitu dari zahirnya. Melihat keadaan ini, saya bahagikan kewangan Islam kepada beberapa fasa:

Fasa I: Fokus kepada untuk membebaskan umat Islam daripada riba.

Fasa II: Ke arah yang lebih mematuhi Shari'ah dengan menghindarkan amalan haram yang melampau;

Fasa III: 'Value-oriented Islamic Finance Practice'.

Ada negara yang mengamalkan kewangan Islam berada di Fasa I dan II dan Malaysia mungkin berada di Fasa III. Kita perlu melihat sesuatu itu 'one size does not fit for all'. Maknanya, kita perlu melihat dari sudut secara keseluruhan merangkumi 'legal environment', keadaan masyarakat, latar belakang pendidikan dan lain-lain supaya perancangan tidak terlalu idealistik tetapi realistik. Fasa III adalah yang sangat penting di mana ia lebih menjurus ke arah sistem kewangan yang berasaskan kepada nilai dan tanggungjawab 'value-oriented and responsible Islamic finance practices'. Di Malaysia, kita melihat ada banyak inisiatif yang dilaksanakan ke arah merealisasikan aspirasi ini.

Selepas 40 tahun, kewangan Islam tidaklah terlalu boleh dibanggakan. Ia tidak begitu dapat mempengaruhi dan memperbaiki keadaan umat Islam di dunia yang masih ketinggalan dari sudut sosio-ekonomi dan politik. Kalau kita lihat bagaimana dari segi 'market penetration', 4 negara mewakili 30% 'market shares'. Ini bukan petunjuk yang baik sebab pasaran kewangan Islam yang tidak 'diversified'. Bank Pembangunan Islam menasarkankan 40-50% 'market share' diwakili oleh lebih 10 negara pada 2021.

Kalau kita lihat dari segi pelanggan kewangan Islam, ia masih lagi sangat-sangat kecil iaitu kurang 100 juta. Walaupun umat Islam melebihi 1.6 billion di seluruh dunia dengan 1 billion belia. Maknanya kewangan Islam belum lagi mencapai potensinya sebenar. Bank Pembangunan Islam menasarkankan 250 juta pelanggan pada 2021. Asset keseluruhan kewangan Islam masih juga kecil jika dibandingkan dengan asset

konvensional. Konvensional bernilai 300 trillion dan kewangan Islam tidak pun mencapai 1% berbanding dengan saiz konvensional. Kewangan Islam masih kecil tetapi ingat 'small is beautiful'.

Kewangan Islam mensasarkan pada tahun 2021 untuk mencapai 9 trillion. Walaubagaimanapun, konvensional akan lebih besar lagi. Bila kita mencecah 9 trillion konvensional mungkin sudah mencapai 350 trillion atau 400 trillion, jadi kewangan Islam perlu mempergiatkan usaha. Kalau kita tengok di Eropah dan UK permintaan kepada kewangan Islam semakin menurun dan menghadapi beberapa permasalahan.

Kalau kita tengok 'Total Asset' kewangan Islam, ia tidaklah membanggakan sangat. Di Malaysia, hanya 25% sahaja. Maknanya 75% konvensional dan 25% sahaja yang Islamik. Di Arab Saudi, hanya 50% walaupun 99% masyarakatnya beragama Islam. Kuwait 44%, Bahrin 27% dan Qatar 23%. Di negara yang ramai rakyatnya beragama Islam seperti Indonesia, Pakistan hanya 4-5% sahaja. Dalam erti kata lain, walaupun tidak membanggakan namun, ia menunjukkan betapa tingginya potensi kewangan Islam sekiranya ia diteroka dengan lebih agresif.

Seterusnya kita akan tengok bilangan pakar Shari'ah. Setelah 40-50 tahun kewangan Islam, kini direkodkan terdapat lebih kurang 1000 orang pakar Shari'ah. 1000 inilah yang memberi khidmat kepada institusi kewangan Islam di mana 75% berada di 10 negara. Ini bermakna, demografinya ia hanya tertumpu kepada sesetengah negara sahaja. 41% di Negara Teluk. 26% di Asia Tenggara, 16% Asia Timur, 11% in MENA dan 2% Eropah. Inilah antara masalah dari dulu sampai sekarang. Walaupun telah 40-50 tahun melaksanakan kewangan Islam, tetapi kita masih lagi kekurangan pakar.

Setakat ini ada lebih kurang 952 penasihat Shari'ah yang aktif di pasaran dan dijangkakan dalam masa lima tahun lagi akan terdapat 3000 penasihat Shari'ah. Pada waktu ini, sudah terdapat usaha untuk menggunakan 'artificial intelligence' untuk melaksanakan beberapa tugas penasihat Shari'ah

Izinkan saya untuk berkongsi mengenai perkembangan kewangan Islam antara aspirasi dan realiti. Kajian yang dijalankan oleh Beloufi et al (2015) terhadap 40 penyelidikan antara 1983 merumuskan bahawa terdapat jurang yang ketara antara teori dan amalan kewangan Islam. Sheikh Salleh Kamel, pengasas Dallah Baraka dan antara pengasas kewangan Islam berkata One of pioner Islamic finance.

"I would like to tell you, in all frankness, that if I were to start all over again, I would not choose the bank as a framework for the application of Islamic teachings in the field of economy and investment. I would look for another framework, which is fully in line with the Shari'ah principles regulating investment. This is due to the fact that we have not been satisfied with taking only the name of the bank but also its basic concept, namely, that it is a financial intermediary. So, we have not been able to find for our financial institutions a concept and a pattern, which goes beyond the issue of financial intermediary. **This has led to the fact that the preferred investment patterns of Islamic banks have become a mix of a loan and an investment. It is a mix, which has most of the characteristics of a *riba*-based loan and the flaws of the Western capitalist system.** It fails to highlight the features of Islamic

investment based on risk-sharing and real investment. It does not recognize the guarantee of the capital or its return.”

Ini merupakan peringatan yang sangat kuat oleh Syeikh Saleh kepada pemain kewangan Islam. Apa yang sangat penting adalah bukan sahaja ‘form over substance’ tetapi ‘substance and form’. Sheikh Salleh Kamel sebagai seorang ahli perbankan pastinya memahami realiti kewangan Islam pada hari ini.

Antara ciri kewangan Islam pada hari ini ialah sangat bergantung kepada transaksi berasaskan hutang. Memang kalau kita tengok sekarang ini antara hutang dan ekuiti ianya adalah sangat tidak seimbang antara 80:20 dan ada yang mencecah 95:5. Kewangan Islam bakal berdepan krisis sekiranya tidak menangani aspek ini. Realiti lain yang perlu diterima ialah kewangan Islam berlebihan menggunakan beberapa produk yang dikatakan menggunakan helah Syarie. Kritikan pada kewangan Islam juga merujuk kepada kurang keberkesanan kepada golongan bawahan terutamanya bagi membuka akses kepada mereka untuk mendapatkan perkhidmatan kewangan.

Setakat ini, kerap kali contoh mudah untuk menghalalkan produk kewangan Islam dengan membezakan antara konsep ‘ayam sembelih’ dan juga ‘akad pernikahan’. Di antara perbezaan konvensional dengan kewangan Islam adalah konsep ‘ayam sembelih’. Antara ayam sembelih dengan ayam tidak disembelih, mana yang mahal? Sudah pasti ayam sembelih yang mahal. Jadi produk kewangan Islam dikatakan mahal sedikit kerana ada kos tambahan. Contoh lain pula mengatakan bahawa yang membezakan adalah kontrak. Beza orang berkahwin dengan orang tidak berkahwin yang melakukan persetubuhan haram. Perkara yang sama tetapi perkahwinan ada akadnya, ada saksinya dan ia adalah sah di sisi syarak. Saya akui ini bukan contoh yang baik untuk menunjukkan perbezaan yang kita mahukan kerana kita mahukan perbezaan yang ‘substance over form’.

Kritikan lain pula merujuk kepada ‘lack of authenticity and operates within neo-classical economics and over legalistic approach’. Kewangan Islam kadangkala terlalu melihat aspek hukum tetapi kurang memberikan perhatian kepada aspek hikmah atau ‘wisdom’. Dalam satu konferen, Professor Mabid Jarhi ada membincangkan kenapa kewangan Islam tidak begitu jelas perbezaannya dengan konvensional? Beliau mengatakan kerana kewangan Islam menggunakan pendekatan definisi riba menerusi Fiqh perspektif. Tetapi sekiranya kewangan Islam menggunakan definisi riba daripada perspektif ekonomi, ia akan menunjukkan perbezaan. Jadi, apa yang paling penting adalah mengharmonikan di antara ‘economic wisdom’ dan juga perspektif fiqh dalam mendefinisikan riba dan ia akan dapat menstrukturkan ataupun membetulkan semula posisi kewangan Islam. Ini juga telah menimbulkan persepsi negatif terhadap kewangan Islam. PPIM ada merekodkan lebih kurang 4000 laporan mengenai masalah dan isu pengguna dengan institusi kewangan Islam.

Realiti kewangan Islam pada hari ini juga merujuk kepada pendekatan ‘over legalism’. Killian Balz menyatakan bahasa ‘The applications of Islamic law and Islamic finance must not all will be perceived as merely law but as risk’. Oleh itu, kita perlu melihat secara keseluruhan amalan kewangan Islam merangkumi implikasi produk, implikasi sosio-ekonomi dan sebagainya. Kalau kita lihat realitinya hari ini

boleh dirumuskan bahawa 'Islamic finance shares conventional finance substance in more sophisticated forms'.

Saya masih ingat, apabila menulis untuk Malaysian Reserve, cuba menjawab tuduhan yang dibuat oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif sebuah institusi kewangan Islam yang menyatakan bahawa penasihat Shari'ah cuba mengganggu gugat industri kewangan Islam. Saya menulis satu persatu cuba untuk memperjelaskan kenyataan ini di mana di akhir makalah tersebut telah memperingatkan supaya pemegang taruh bermusahabah dan mengambil tauladan bagaimana krisis kewangan lepas yang berlaku.

Perkara yang sangat penting pada waktu ini ialah bagaimana untuk mengoperasikan *Maqasid al-Shari'ah*. Saya tidak akan membincangkan definisi *maqasid al-Shari'ah* secara terperinci kerana ia telah dibincangkan sebelum ini. Untuk memahami Maqasid al-Shari'ah, saya menyarankan semua untuk memiliki siri koleksi Maqasid yang diterbitkan IIIT. Saya galakkan semua untuk membaca kesemua siri Maqasid ini. Buku-buku ini ada menyatakan elemen maqasid dan ia tidak bergantung kepada lima sahaja. Ada yang menambah elemen ini seperti Muhammad al-Ghazali, al-Qaradhawi dan ramai lagi yang menambah dan ini termasuk 'justice, equalities and freedom'.

Karya Jamaluddin Al-Athiyah adalah antara sangat baik untuk dirujuk. Ia menjelaskan dimensi maqasid dari sudut yang berbeza merangkumi 'maqasid of individuals, maqasid of ummah and maqasid of humanities'. Saya merasakan ini merupakan antara wacana yang sangat bagus untuk diketengahkan. Kita melihat Maqasid itu daripada dimensi yang berbeza dan ia sangat-sangat sesuai untuk diterjemahkan dalam bentuk 'public policy' diserasikan dengan tujuan pensyariaan Shari'ah itu sendiri dengan mengambil kira 'economic and social well being of the country'.

Di sini, saya ingin berkongsi bahawa sudah ada beberapa kajian yang mengukur dan juga menilai sejauh mana *Maqasid al-Shari'ah* itu dipenuhi. HDI (Human Development Index) antara indeks yang baik untuk dirujuk. Kita lihat bagaimana mereka mengukur *Maqasid al-Shari'ah*. Maknanya di sini, kita mengukur sejauh mana negara itu mengamalkan atau mencapai *Maqasid al-Shari'ah*. HDI menggunakan 'life expectancy index' untuk *hifzul nafs*. 'education index' sebagai *hifzul aqal*, 'GDP index, carbon dioxide, admission freedom index, family value index' sebagai *hifzun nasab*, fiqh index sebagai *hifzud deen*'. Lebih menarik negara bukan Islam mendahului semua negara majoriti Muslim di dunia didahului dengan negara Sweden. Berbanding dengan HDI di atas, kajian HDI index yang telah diubahsuai dijalankan di negara OIC. Kajian ini hampir sama tetapi mengambil kira sedikit kelainan di mana Qatar mendahului negara Islam.

Selain HDI, menarik untuk merujuk 'Islamicity index' (indeks keislaman) yang dibangunkan oleh Profesor 'Eshkari yang melibatkan 208 negara. Kajian ini menggunakan 12 'variables' mewakili nilai-nilai yang bersifat 'universal' dan pastinya selari dengan prinsip *Maqasid al-Shari'ah*. Kajian ini merumuskan bahawa negara majoriti bukan Muslim adalah lebih memenuhi *Maqasid al-Shari'ah* berbanding negara Islam. Malahan, negara Israel berada di kedudukan 27. Sebagai contoh, dari

segi pendidikan, Israel telah meletakkan lebih 5 peratus daripada GDP. Malaysia dinobatkan sebagai negara Islam terbaik tetapi terletak di tangga ke-33.

Maqasid Shari'ah Development index diperkenalkan oleh Islamic Development Bank menerusi institute penyelidikannya iaitu IRTI. IRTI mengkaji elemen kemiskinan dan kaitannya dengan *Maqasid al-Shari'ah* di Pakistan. Syed Salman Ali, penyelidik IRTI ini telah menjalankan kajian ke atas 2000 responden dengan menggunakan 'world value survey' sebagai rujukan. Kajian ini mendapati bahawa di antara punca utama kemiskinan di Pakistan adalah gagal atau cuai memelihara aspek *hifzul maal*. Kajian mendapati kemiskinan adalah sangat berkait rapat dengan *maqasid* memelihara harta.

Malaysia juga memperkenalkan Indeks Syariah atau dikenali sebagai ISM. ISM ini adalah antara indeks Maqasid al-Shari'ah paling komprehensif dibangunkan oleh kerajaan. ISM melibatkan responden yang terdiri daripada masyarakat umum, pelaksana dasar dan pembuat dasar. Pemerintah (pembuat dasar): sejauh mana undang-undang, dasar dan polisi yang dirangka serta program-program dan aktiviti-aktiviti yang diatur mematuhi dan bertepatan dengan *Maqasid al-Syariah*. Agensi (pelaksana dasar); sejauh mana undang-undang, dasar-dasar dan polisi-polisi yang dirangka serta program-program dan aktiviti-aktiviti yang diatur, mampu direalisasikan dan dilaksanakan dengan jayanya. Masyarakat (penerima manfaat): penilaian dan persepsi masyarakat terhadap undang-undang, dasar-dasar dan polisi-polisi yang dilaksanakan serta program-program dan aktiviti-aktiviti yang dijalankan. ISM ini merekodkan bahawa Malaysia mencapai indeks Maqasid al-Shari'ah sebanyak 75% secara keseluruhan di mana 87% perundangan Islam, 70% politik, 82% pendidikan, 65% ekonomi, 74% kesihatan, 66% budaya, 62% prasarana dan persekitaran dan 69% sosial.

Contoh-contoh indeks di atas menunjukkan beberapa usaha untuk mengukur *Maqasid al-Shari'ah* itu secara realistik dan secara objektif. Saya melihat bahawa *Maqasid al-Shari'ah* ini sangat sesuai digunakan sebagai 'benchmark' atau kayu ukur serta falsafah untuk menentukan setakat mana amalan dan pelaksanaan memenuhi tuntutan Syariat. Ia bukanlah sebagai sumber hukum semata-mata untuk menentukan halal dan haram tetapi ia merupakan satu polisi yang digunakan untuk menentukan sama ada ianya memenuhi tuntutan Syariat itu sendiri.

Memandangkan masa yang terhad, perkara di atas adalah idea utama pembentangan iaitu "Towards Value-Oriented Islamic Finance Practices". Value-oriented Islamic finance practices ini merujuk kepada apa-apa aspek yang bersifat 'value-based, value-oriented' dan ini merangkumi 'economic wisdom, the legal interpretation, the social wisdom'. Ini bermakna, untuk menentukan hala tuju kewangan Islam, kita perlu melihat kesemua faktor, kesemua nilai-nilai yang bersifat sejagat itu untuk memastikan ia benar-benar dapat memenuhi tuntutan Syariat.

Terdapat empat ciri 'Value-oriented Islamic Finance Practices' yang ingin saya sebutkan di sini. Ia merangkumi i) 'Tenet bound'; ii) 'Principles bound'; iii) 'Real economy linked'; dan iv) 'Society-service'. Sebagai contoh sekiranya kita ingin memberikan pembiayaan kepada syarikat tembakau atau syarikat yang mencemar alam sekitar, ia adalah tidak menepati Maqasid al-Shari'ah walaupun rukun kontrak itu boleh sahaja dipenuhi. Kewangan Islam perlu mengaplikasi ilmu fiqh dan juga

implikasi dari aspek ekonomi, sosial dan budaya. Pendekatan ini walaupun ada sedikit kelainan telah dilaksanakan di Eropah yang dikenali sebagai 'ethical finance'.

Dari aspek 'link to real economy and asset-backed transaction with investment real durable asset, kewangan Islam juga perlu mengambil perhatian ini. Kewangan konvensional dilihat terlalu melibatkan spekulasi dan 'excessive financialisation'. John Boggles dalam buku 'the Clash of Culture: Investment Against Speculations', mengatakan bahawa di dalam dunia kewangan ini spekulasi adalah 99% dan 1% sahaja pelaburan yang 'genuine'.

Saya ingin merumuskan pembentangan pada hari ini dengan menyatakan bahawa kewangan Islam perlu menjadikan model 'stakeholders value orientation' sebagai pendekatan ke arah menjadikan kewangan Islam menjadi lebih 'value-oriented'. Pendekatan ini akan menjadikan kewangan Islam lebih bermotivasi memenuhi maqasid al-Shari'ah. Ini akan mempengaruhi amalan dan pelaksanaan kewangan Islam dan seterusnya akan dapat membuka mata semua bukan sahaja orang Islam tetapi juga bukan Muslim bahawa sesungguhnya Islam dapat memberikan alternatif, kepada dunia sesuai dengan Islam sebagai rahmatan lil 'alamin. Dengan itu, saya sudahi pembentangan ini dengan *wabillahi taufiq wal hidayah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*